

Pengaruh Jaringan Sosial ke Atas Migrasi Pekerja Bugis - Indonesia ke Sabah

Influence of Social Network on Bugis - Indonesian Migration to Sabah

SYED ABDUL RAZAK SAYED MAHADI, HANAFI HUSSIN, SURAYA SINTANG & HADAYAT
RAHMAH BINTI HASAN

ABSTRAK

Kedatangan Bugis ke Sabah terutamanya di Bahagian Tawau pada abad ke-19 bukan sahaja menyumbangkan tenaga kerja, malahan telah mewujudkan pembentukan masyarakat awal Bugis di Sabah. Mereka kemudiannya berasimilasi dengan masyarakat tempatan dan telah menjadi warganegara selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Aliran kemasukan Bugis ke Sabah masih berterusan hingga kini dan ia sukar untuk dikawal. Kertas ini mengkaji fenomena penghijrahan pekerja Indonesia ke Sabah terutamanya yang berbangsa Bugis yang mendominasi beberapa daerah di Bahagian Tawau dan Sandakan. Sejumlah 896 pekerja Indonesia terlibat dalam menjawab soal selidik yang telah dijalankan melalui kaedah temu bual bersemuka, sementara 20 orang pekerja sah dan 20 orang pekerja tidak sah terlibat dalam sesi temu bual mendalam. Kajian ini memberi fokus kepada peranan jaringan sosial dalam membantu proses migrasi yang merangkumi tiga fasa iaitu fasa pra, semasa dan selepas migrasi. Kajian mendapati migran baru dibantu oleh jaringan sosial bagi mengurangi kos dan risiko penghijrahan untuk memastikan kejayaan migrasi. Berdasarkan teori Penarikan dan Penolakan, keputusan untuk berhijrah dan pemilihan destinasi penghijrahan dipengaruhi oleh faktor ekonomi di tempat asal dan destinasi seperti peluang pekerjaan dan gaji yang dapat dijelaskan oleh teori Ekonomi Neo Klasik. Namun apa yang lebih penting, kajian ini mendapati faktor penarik bukan ekonomi seperti adanya jaringan sosial, hubungan sejarah, elemen geografi, serta persamaan budaya, etnik, agama dan bahasa memberi pengaruh besar kepada keputusan berhijrah bagi migran baru. Kesimpulannya, jaringan sosial berasaskan ikatan kekeluargaan merentasi sempadan politik terus membantu aliran pengetahuan, sumber dan mengurangi risiko kegagalan migrasi. Strategi pengambilan pekerja berasaskan etnik yang dibantu oleh mandur memberi banyak manfaat dan mampu mengekalkan aliran migrasi bangsa Bugis ke Sabah hingga kini.

Kata kunci: Migrasi; pekerja asing; jaringan sosial; sempadan budaya; sempadan politik; Bugis

ABSTRACT

Bugis migration to Sabah especially the Tawau Division in the 19th Century not only had provided the workforce but also created the early Bugis community in Sabah. They had assimilated with local people and become Malaysian citizens after the formation of Malaysia in 1963. Bugis migration flow to Sabah still continues to date and it is difficult to control. This paper studies migration of Indonesian workers phenomenon, especially the Bugis who dominate a few districts in Tawau and Sandakan Divisions. A total of 896 Indonesian workers involved in a survey conducted using face-to-face interview, while 20 legal and illegal workers, respectively participated in the in-depth interview. This study focuses on the role of social network in assisting migration process in three phases namely pre, while and post migration. This study found that new migrants were assisted by social network to reduce migration cost to achieve successful migration. Based on the Push and Pull theory, the decision to migrate and the selection of migration destination was influenced by economic factors such as job opportunity and wages in the origin and destination which could be explained by Neo Classical Economy theory. What is more important was, this study found that, non-economic pull

factors such as social network, historical links and geographical proximity; as well as culture, ethnicity, religion and language similarity strongly influenced new migrants in making the decision to migrate. In conclusion, trusted social network crosses political boundary has continued to assist flow of information and resources, and reduced the risk of unsuccessful migration. Ethnicity-based recruitment strategy assisted by Mandur was found to be beneficial and thus, maintaining the migration flow of Bugis to Sabah until today.

Keywords: Migration, foreign workers; social network; cultural boundary; political boundary; Bugis

PENDAHULUAN

Migrasi antarabangsa telah menjadi isu utama yang sering dibincangkan pada abad ke-21. Peningkatan yang pesat dalam mobiliti buruh dan kapital di seluruh sempadan negara merupakan ciri-ciri utama ekonomi dunia masa kini. Perbezaan dalam pembangunan ekonomi mendorong penduduk di negara berpendapatan rendah dan sederhana untuk berhijrah ke negara yang lebih mewah untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik dan meraih pendapatan yang lebih tinggi. Gugusan Kepulauan Melayu tidak terkecuali daripada migrasi antarabangsa yang sebenarnya mempunyai sejarah yang panjang.

Kepulauan Melayu atau Nusantara, adalah gugusan kepulauan yang terbesar di dunia yang terbentang dari Sumatera di barat ke Maluku di Timur. Gugusan Kepulauan Melayu di Asia Tenggara ini mengandungi lebih daripada 40,000 pulau kecil dan besar, berselerak dalam negara Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, dan Singapura yang dicantumkan oleh pelbagai selat dan laut. Bentuk fizikal ini telah mewujudkan satu tamadun pelaut (Mohd Arof Ishak 2012) yang mana pergerakan penduduk telah berlaku sejak pembentukan kerajaan-kerajaan awal seperti Kerajaan Kedah, Srivijaya dan Kesultanan Melaka. Bagi mereka, migrasi atau pergerakan antara pulau dalam gugusan kepulauan ini adalah kebiasaan yang dianggap sebagai aktiviti pindah-randah atau merantau (Naratif Peradaban Gugusan Kepulauan Melayu, n.d).

Perantau tidak dianggap sebagai “pendatang” dari luar Kepulauan; mereka menerima dan diterima sebagai rakyat kerajaan tempatan. Dalam konteks Dunia Melayu, migrasi tidak mempunyai sempadan politik. Persamaan budaya, agama dan bahasa dalam kalangan penduduk di Gugusan Kepulauan Melayu serta jarak yang dekat di antara satu tempat ke tempat yang lain merupakan faktor jaringan sosial berasaskan ikatan kekeluargaan yang utuh

sehingga kini. Fenomena ini dapat dilihat dalam konteks migrasi penduduk Indonesia ke Sabah yang terletak di Kepulauan Borneo dan merupakan sebuah “rantau” yang menjadi tumpuan dan pilihan kebanyakan bangsa Bugis yang berasal daripada Selatan Kepulauan Sulawesi. Sebahagian besar daripada mereka merantau ke Sabah atas faktor ekonomi sejak sebelum kedatangan British ke Borneo utara pada tahun 1882 (Suraya 2013).

Namun begitu, aliran migrasi ini masih berterusan sehingga kini walaupun setelah wujudnya perempadanan politik akibat penjajahan British dan apabila negara moden Malaysia mencapai kemerdekaan. Rentetan itu, timbul persoalan tentang bagaimana migran Indonesia dapat mengekalkan aliran kemasukan mereka ke Sabah walaupun penguatkuasaan bagi mengawal sempadan politik telah dijalankan. Penulis percaya yang jaringan sosial memainkan peranan yang penting dalam membantu proses migrasi ini. Oleh yang demikian, artikel ini akan melihat pengaruh jaringan sosial mengatasi sempadan politik dalam konteks penghijrahan migrasi bangsa Bugis ke Tawau, Sabah. Kajian ini bersandarkan kepada teori Penolak dan Penarik yang diperkenalkan oleh Lee, E. S. (1966) dan teori Jaringan Sosial (Todaro 1969). Sejarah awal kedatangan dan pertapakan bangsa Bugis akan dibincangkan di dalam kajian ini bagi memahami peranan migran awal dalam memastikan kejayaan penghijrahan migran baru.

PERTAPAKAN BUGIS DI SABAH

Sejarah pertapakan awal komuniti Bugis di Sabah boleh dikesan daripada sejarah pertapakan mereka di Tawau yang bermula dengan kedatangan Puado pada tahun 1882. Ketibaan Puado di Tawau ditemani bersama 25 orang yang terdiri dari suku kaum Bugis, Suluk, Tidong dan Bajau bagi mengusahakan tanah untuk penanaman ladang kelapa di kawasan Tawau Lama. Pembukaan petempatan dan perkampungan Bugis di Tawau Lama telah bermula pada tahun 1885 apabila Haji Kuning dan Pengiran Seria diarahkan oleh Belanda meninggalkan Kutei dan berpindah ke Tawau untuk menanam kelapa agar kawasan tersebut boleh menjadi kawasan petempatan Belanda. Pihak Belanda mengerahkan kemasukan lebih ramai pekerja agar dapat membangunkan kawasan Tawau di mana komposisi kaum ketika itu adalah terdiri daripada orang Banjar, Arab, Melayu, Bugis, Tidong dan Suluk (Goodlet 1977: 22). Terdapat 20 buah rumah dan dua buah kedai yang dimiliki oleh orang Bugis di bawah pimpinan Penghulu Puadokawasan itu sebagai ‘*Bugis town*’ (Bandar Bugis).

Fakta sejarah ini menjelaskan sememangnya pertapakan orang Bugis di Tawau (Sabah) bermula daripada penghijrahan beberapa kumpulan kecil orang Bugis daripada negara jiran yang menjadi jajahan Belanda. Penghijrahan orang Bugis ke Sabah telah berlaku dalam pelbagai peringkat dan mengambil masa yang panjang dan daerah Tawau merupakan lokasi terawal penghijrahan orang Bugis kerana kedudukan geografinya yang berhampiran dengan Sulawesi iaitu tanah asal orang Bugis yang lazimnya dikenali sebagai '*Tana Ugi*'. Penghijrahan ini dipengaruhi pelbagai faktor sama ada faktor dalaman dan faktor luaran yang berpunca daripada ketidakstabilan Sulawesi Selatan (Sulsel), rasa tidak puas hati terhadap dasar Suharto dan adanya peluang hidup yang lebih baik di lokasi lain menjadikan masyarakat Bugis bertekad untuk meninggalkan tanah kelahiran mereka. Ketiga-tiga faktor ini dilihat menjadi faktor penting kewujudan masyarakat Bugis di merata-rata tempat di Kepulauan Nusantara termasuk daerah Tawau dan daerah-daerah lain di Sabah (Andaya 1995, 2004; Pelras 1996; Ammarell 2002; Ito 2001; Suraya 2013; Nordin et al. 2012).

Sejarah penghijrahan Bugis ke Sabah sejak sebelum zaman kolonial hingga kini dapat dijelaskan oleh beberapa teori migrasi seperti teori penolak dan penarik, teori Neo Klasik, teori Sistem Dunia dan teori Jaringan Sosial. Dalam teori Penarik dan Penolak, Lee E. S. (1966) menjelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk bermigrasi. Faktor penolak yang merujuk kepada keadaan di negara asal seperti ketidakstabilan politik, kekurangan peluang pekerjaan dan gaji yang rendah mendorong migran membuat keputusan untuk berhijrah. Di samping itu juga, dalam menentukan destinasi penghijrahan, migran mengambil kira faktor tarikan seperti keamanan, penerimaan penduduk tempatan, peluang pekerjaan yang banyak dan gaji yang tinggi. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi keputusan migran adalah faktor halangan atau rintangan seperti kos perjalanan yang tinggi, serta faktor peribadi.

Fasa penghijrahan orang Bugis ke Sabah dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu i) sebelum tahun 1945, ii) selepas tahun 1946-1963 dan iii) selepas tahun 1963. Perkembangan orang Bugis berserta etnik Indonesia yang lain dapat dilihat melalui data banci sebelum perang yang telah diterbitkan oleh pentadbir British. Analisis jumlah orang Bugis ini adalah berpandukan kategori Indonesia atau *Natives of Netherlands East Indies*. Berpandukan banci pertama pada tahun 1891, Kajian Jones (1962) menganggarkan jumlah buruh Indonesia yang

dibawa khas dari Pulau Jawa antara tahun 1900-1931 berjumlah seramai 969 orang. Maka dianggarkan jumlah orang Bugis ketika itu tidak melebihi 1000 orang.

Fasa kedua tahun 1945-1963 mencatatkan penghijrahan orang Bugis secara besar-besaran ke Sabah yang merupakan pergerakan keluar gelombang pertama rentetan daripada keadaan tidak stabil di Sulawesi Selatan akibat pemberontakan Kahar Muzakkar. Pemberontakan ini telah memaksa ribuan penduduk berhijrah keluar ke lokasi baharu yang lebih aman dan mampu menyediakan peluang hidup yang lebih baik (Lineton 1975). Bermula dari tahun 1954, proses kemasukan orang Bugis telah berlaku secara berterusan sehingga ke hari ini. Keadaan ini disebabkan Sabah khususnya daerah Tawau, telah menyediakan peluang hidup yang lebih baik berbanding kampung asal mereka yang secara tidak langsung memberi impak kepada peningkatan jumlah orang Bugis di Sabah. Banci penduduk antara tahun 1950-1960 mencatatkan jumlah buruh Indonesia yang telah berada di Sabah dalam tempoh ini ialah sekitar 24,784 orang. Jumlah ini di dominasi masyarakat Bugis dengan andaian kemasukan buruh Jawa telah merosot apabila British tidak lagi menyambung kontrak perburuhan Jawa sejak tahun 1931.

Dari sudut ekonomi, pembukaan ladang-ladang BAL (*The Borneo Abaca Limited*) di bawah pentadbiran British dari Kuhara hingga ke Merotai di Tawau telah menjadi faktor keberadaan masyarakat Bugis dengan jumlah yang besar di Sabah. Menurut Ito (2001: 14) di Ladang Imam contohnya, seramai 114 orang Bugis daripada 247 pekerja telah diambil bekerja.

Selain sektor perladangan, kehadiran masyarakat Bugis di Sabah adalah disebabkan oleh kewujudan keperluan buruh yang mendesak dalam sektor pembalakan terutama untuk tenaga buruh yang murah dari Indonesia. Oleh itu, tidak menghairankan apabila *Chief of Naval Staffs* (CNS), Navy pada 1963 melaporkan bahawa lebih daripada separuh penduduk Tawau yang berjumlah 32,000 orang ialah penduduk berketurunan Indonesia (Rizal, Ramli & Marja 2006). Dipercayai ramai antara mereka pada hari ini merupakan generasi kedua atau ketiga yang dilahirkan oleh para penghijrah awal tersebut. Kebanyakan mereka akhirnya memutuskan untuk menetap di Sabah apabila berlaku beberapa peristiwa penting sama ada di Sabah mahupun di Indonesia. Faktor penolak seperti pemberontakan Kahar Muzakkar; serta faktor penarik seperti kemakmuran di Sabah, peluang ekonomi yang luas serta layanan yang

baik semasa Tun Mustapha menjadi Ketua Menteri Sabah adalah antara faktor-faktor yang diberi pertimbangan untuk berhijrah.

Perkembangan dan kewujudan orang Bugis di Sabah sudah semakin meluas selepas pembentukan Malaysia pada September 1963. Kewujudan pelbagai identiti Bugis kesan interaksi dengan masyarakat tempatan telah mempelbagaikan sosiobudaya masyarakat Sabah. Terdapat dalam kalangan orang Bugis yang telah berupaya membudayakan adat Bugis ke dalam budaya tempatan melalui perkahwinan. Tidak kurang juga, ada kalangan mereka yang telah meleburkan identiti menjadi sebahagian masyarakat peribumi. Proses peleburan identiti, kahwin campur, kelahiran generasi kedua dan proses penghijrahan berterusan ke Sabah telah membentuk beberapa identiti dalam masyarakat Bugis di Sabah yang secara tidak langsung mempengaruhi sistem demografi Sabah. Ito (2001: 8) membahagikan orang Bugis di Sabah kepada tiga kumpulan identiti iaitu Bugis-Melayu, Bugis-Sabah dan Bugis-Indonesia. Kewujudan identiti yang pelbagai ini menjadi faktor dan sebab-sebab orang Bugis dilihat wujud dalam pelbagai kategori dalam banci penduduk tahun 1960-2000 dan menurut Nordin et al. (2012), identiti ini digunakan bagi mendapatkan anggaran orang Bugis di Sabah.

Masyarakat berketurunan Bugis yang telah lama menetap di Sabah ini berperanan membantu migran Indonesia yang baru. Teori Jaringan Sosial yang sering dikaitkan dengan isu penghijrahan migran di Asia Tenggara boleh menerangkan penghijrahan Bugis ke Sabah kerana ia memberi fokus kepada hubungan sosial dan ekonomi di antara negara asal dan destinasi, serta peranan keluarga, rakan taulan dan individu lain dalam membantu migran. Menurut Palloni et al. (2001) dan Dannecker (2005) teori ini memberi penekanan kepada hubungan di antara migrant baru, migran awal dan bukan migran melalui hubungan persaudaraan, persahabatan dan kemasyarakatan di negara asal dan destinasi. Hubungan ini menggalakkan migrasi antarabangsa kerana ia mengurangkan kos dan risiko penghijrahan dan meningkatkan pulangan yang diharapkan daripada penghijrahan (Massey et al. 1993; Koser 2010a).

Identiti Bugis-Melayu merupakan salah satu kelompok yang wujud. Golongan ini merupakan generasi terawal Bugis yang datang ke Sabah dan mereka yang lahir di Sabah sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka ini membesar dengan persekitaran memperjuangkan semangat nasionalisme Melayu dan mereka digolongkan sebagai Melayu seperti dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Muslim itu ialah Melayu.

Golongan ini pernah diletakkan dalam kategori “Peribumi” dan “Bumiputera” lain seperti dalam banci tahun 1960 dan 1980. Identiti Bugis-Sabah pula merupakan golongan muda yang berada dalam dilema berkaitan identiti Bugis yang ada pada mereka. Asas identiti mereka agak berbeza dengan generasi tua yang tergolong dalam Bugis-Melayu. Secara amnya, mereka masih lagi mengamalkan budaya dan tradisi Bugis yang mereka tahu dalam kehidupan seharian. Mereka beridentitikan orang Malaysia tetapi tidak seperti Melayu dari Semenanjung. Mereka ini generasi yang lahir pada pasca-Malaysia.

Dalam membincangkan tentang pembentukan identiti komuniti sempadan di Sabah, Ramli Dollah et al. (2015) mendapati bahawa penduduk Sabah cenderung melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai identiti yang sama dengan negara jiran (Indonesia) walaupun dipisahkan oleh sempadan fizikal seperti lautan, selat, sungai, pos tentera dan sebagainya. Ini adalah kerana elemen bukan-fizikal iaitu konsep kesamaan identiti seperti bahasa, agama dan budaya di antara dua kumpulan masyarakat (Malaysia dan Indonesia) mengatasi peranan elemen fizikal yang membentuk sempadan pemisah. Elemen “kesamaan” yang menjadi pengikat dalam hubungan kedua-dua kumpulan masyarakat (Haryati A. K. 2015) diberi penekanan berbanding elemen “perbezaan” yang boleh menyumbang kepada hubungan buruk antara kedua-dua belah pihak. Oleh kerana migran Indonesia mudah diterima oleh masyarakat Sabah, mereka mudah berasimilasi dan menyesuaikan diri, seterusnya menetap di Sabah.

Berdasarkan analisis data banci, orang Bugis-Melayu dan Bugis-Sabah dikategorikan dalam kumpulan Indonesia pada tahun 1970 dan 1990. Pada tahun 1980, golongan ini dicampur adukkan dengan golongan peribumi. Hanya selepas tahun 2000, mereka telah dimasukkan ke dalam kategori Melayu Bugis (10%), Bugis bertaraf warganegara Malaysia (30%), bukan warganegara (60%) dan lain-lain bangsa mengikut taraf kewarganegaraan mereka (Nor Aisyah A. H. 2011). Berpandukan banci 1970, orang Bugis telah mempengaruhi corak taburan penduduk Sabah. Jika kategori Melayu dan Indonesia dijadikan asas sebagai orang Bugis, lebih 32 peratus daripada penduduk Tawau berketurunan Bugis. Mereka tinggal terutamanya di daerah-daerah Bahagian Tawau di wilayah pantai timur (Nordin et al. 2012: 38).

Bugis-Indonesia juga merupakan sebahagian identiti orang Bugis yang wujud di Sabah setelah penguatkuasaan sempadan diperketatkan. Mereka terdiri daripada orang Bugis

yang datang berhijrah ke Sabah untuk mencari rezeki dan mengumpul harta. Rasa rindu akan kampung sentiasa tersemat dalam hati mereka. Atas sebab itu, mereka sering mengunjungi wilayah asal dan ingin menghabiskan sisa-sisa hidup mereka di sana. Ramai dari kalangan mereka ialah pemegang pasport Indonesia yang datang mencari rezeki. Golongan ini dengan jelas diletakkan dalam kategori bukan warganegara Malaysia dan mereka merupakan responden dalam survey yang dijalankan oleh pengkaji.

Teori Sistem Dunia yang menghubungkan masa lalu dan masa kini sering mengaitkan penghijrahan migran baru dengan era penjajahan. Seperti yang dijelaskan dalam sejarah pertempatan Bugis di Sabah, penjajah British di Sabah dan Belanda di Indonesia berperanan besar dalam penghijrahan awal bangsa Bugis ke Sabah ketika di zaman kolonial. Migran generasi pertama inilah yang memulakan jaringan sosial yang membantu pergerakan masuk migran baru.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan bercampur kuantitatif dan kualitatif di mana kaedah temu bual (bersemuka), temu bual (*in-depth interview*) dan pemerhatian (tanpa penglibatan) telah diaplikasi dalam pengumpulan data yang telah dijalankan pada tahun 2010. Kajian ini melibatkan 896 pekerja Indonesia daripada sektor formal dan informal yang kebanyakannya berbangsa Bugis yang mendominasi daerah-daerah di Bahagian Tawau dan Sandakan, Sabah. Tawau merupakan jalan masuk utama bagi migran Indonesia ke Sabah (Johari & Goddos 2003).

Antara masalah yang sering dihadapi oleh para penyelidik migrasi antarabangsa ialah kekurangan data migrasi di mana data selalunya tidak lengkap atau diklasifikasikan sebagai data sulit. Kekangan lain termasuk keengganan migran tidak sah untuk ditemu bual kerana takut ditangkap dan dihantar pulang. Menurut Newman (2006), tanpa data pekerja Indonesia yang lengkap, persampelan non-probability adalah kaedah yang sesuai untuk diaplikasi.

Kaedah Persampelan berdasarkan Kuota telah digunakan bagi memilih responden untuk menjawab soal selidik, di mana peratus dan bilangan pekerja Indonesia berdaftar bagi setiap sektor di Sabah telah dikenal pasti terlebih dahulu. Ia dilakukan supaya bilangan responden dalam setiap kategori menggambarkan ciri-ciri populasi migran Indonesia (Babbie,

2004) seperti yang dinyatakan: sektor perladangan (63%), perkilangan (24.2%). pembinaan (3.9%), perkhidmatan, (2.7%), dan informal (6.2%). Temu bual bersemuka di mana penemubual membacakan soalan daripada borang soal selidik dan merekodkan jawapan responden perlu diaplikasi bagi mengatasi masalah pekerja Indonesia yang tidak mahir membaca dan masalah perbezaan bahasa.

Temu bual (mendalam) juga dijalankan dengan menggunakan kaedah persampelan Snowball. Ia melibatkan 20 pekerja Indonesia yang sah dan 20 pekerja tidak sah. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci yang tidak mungkin diperoleh daripada survey berdasarkan soal selidik. Secara ringkasnya, kaedah campuran ini sangat efektif untuk membantu pengkaji memahami fenomena penghijrahan migran Indonesia dengan lebih jelas (Creswell 2006).


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang telah dijalankan pada tahun 2010 untuk tesis bertajuk, “*Indonesian Migration to Sabah: Nature, Causes and Impacts*” (Syed Abdul Razak S. M. 2014) bagi memenuhi keperluan pengajian peringkat doktor falsafah ini menganalisis fenomena penghijrahan pekerja Indonesia ke Sabah. Dapatan yang dikongsikan di sini ialah sebahagian daripada dapatan yang diperoleh daripada kajian tersebut berfokus kepada tiga perkara. Pertama, untuk mengenal pasti tujuan migran Indonesia berhijrah dan memilih Sabah sebagai destinasi. Kedua, melihat peranan jaringan sosial yang membantu migran baru dalam fasa pra, semasa dan selepas migrasi. Kajian ini juga membincangkan strategi pengambilan pekerja Indonesia berasaskan etnik yang diamalkan oleh kebanyakan majikan berdasarkan pemerhatian pengkaji.

ETNIK DAN TEMPAT ASAL

Etnik dan agama biasanya dikaitkan dengan keupayaan migran untuk menetap, menyesuaikan diri, dan mendapat kerakyatan di Sabah (Hugo 1993; Johari & Goddos 2003; Sadiq 2005). Terdapat seramai 90% responden yang beragama Islam dalam kajian ini. Apabila dilihat dari segi etnik, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1, seramai 69 % daripada keseluruhan responden berbangsa Bugis. Etnik lain seperti Timor, Jawa, Bima, Flores, Buton, Tator, Makassar dan lain-lain masing-masing tidak melebihi 8%. Ini menunjukkan Bangsa

Bugis yang berasal daripada Sulawesi Selatan, Sulawesi Barat dan Sulawesi Tengah mendominasi populasi sampel. Kebanyakan migran berbangsa Bugis dalam kajian ini bekerja dalam sektor perladangan kelapa sawit di Bahagian Tawau, Sabah.



RAJAH 1. Taburan pekerja Indonesia mengikut etnik
Sumber: Syed Abdul Razak S. M. (2014)

Pekerja Indonesia juga ditanya tentang tujuan mereka ke Sabah dan kebanyakannya mempunyai tujuan ekonomi seperti mencari pekerjaan (78%) dan pendapatan yang lumayan (66%). Apa yang menarik ialah lebih ramai migran wanita (23%) yang berhijrah dengan tujuan bukan-ekonomi berbanding lelaki iaitu untuk mengikut pasangan. Menurut teori Ekonomi Neo Klasik, migran akan menimbang untung rugi penghijrahan dari sudut ekonomi sebelum membuat keputusan. Migran biasanya berhijrah daripada negara asal yang kurang peluang pekerjaan dan mempunyai tenaga buruh yang ramai ke negara destinasi yang menawarkan banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan (Borjas 1989; Zimmermann 1994). Namun begitu, teori ini tidak dapat menjelaskan tentang migran wanita yang berhijrah atas faktor bukan ekonomi.


Apabila ditanya mengapa migran memilih Sabah sebagai destinasi, migran wanita (43%) yang mempunyai pasangan, saudara mara dan rakan taulan di Sabah lebih terdorong untuk memilih negeri ini sebagai destinasi. Kajian lanjut menunjukkan kebanyakan migran wanita yang telah berkahwin mengambil keputusan berhijrah untuk tinggal bersama pasangan mereka yang terlebih dahulu bekerja di Sabah. Dapatan ini disokong oleh kajian Bilborrow

(2006) yang mendapati bahawa kebanyakan wanita yang telah berkahwin terutamanya di negara membangun jarang berhijrah sendiri tetapi cenderung mengikuti suami di negara destinasi. Ia juga selari dengan trend migrasi Indonesia ke Sabah yang sering melibatkan penghijrahan seluruh ahli keluarga (Johari and Goddos 2003; Kassim 2005b).

Kebanyakan migran juga memilih Sabah kerana ia terletak dekat dengan negara asal mereka serta mempunyai persamaan dari segi budaya, agama dan bahasa. Dapatan ini ada persamaan dengan trend migrasi global yang diperkatakan oleh Hugo (1993) dan Borjas (1989), di mana aliran migrasi adalah lebih besar dalam kalangan negara yang ‘dekat’ dari sudut geografi dan budaya “*geographical and cultural proximity*”. Dapatan ini membuktikan bahawa faktor penarik bukan-ekonomi juga mempengaruhi keputusan memilih destinasi penghijrahan. Faktor ini berkait rapat dengan jaringan sosial yang telah wujud sekian lama di negara destinasi yang menjadi jambatan kepada aliran masuk migran baru.

PERANAN JARINGAN SOSIAL DALAM FASA PRA MIGRASI

Bagi mengetahui kewujudan jaringan migrasi di destinasi dalam fasa pra migrasi, responden ditanya tentang individu yang mereka hubungi untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Kajian mendapati kebanyakan responden berhubung dengan rakan taulan Indonesia dan ahli keluarga/saudara mara yang menetap di Sabah (88.7%) berbanding rakan di Indonesia (13.3%) (Rajah 2). Ini menunjukkan bahawa jaringan sosial dengan individu di negara destinasi memainkan peranan memberi maklumat awal tentang pekerjaan dalam fasa pra migrasi. Maklumat tentang keperluan pekerjaan, jenis pekerjaan, upah dan kejayaan yang ditempa dalam sesuatu pekerjaan mempengaruhi migran baru membuat keputusan untuk berhijrah buat pertama kali.



RAJAH 2. Individu yang memberi maklumat tentang pekerjaan di Sabah
 Sumber : Syed Abdul Razak S. M. (2014)

Apabila ditanya tentang individu yang membantu menguruskan dokumen perjalanan, kebanyakan migran Indonesia meminta bantuan individu dalam jaringan sosial mereka untuk menguruskan dokumen perjalanan apabila mereka pertama kali berhijrah ke Sabah. Kebanyakan responden meminta bantuan agen (37%) seperti broker tempatan, diikuti oleh keluarga (29%) dan rakan (9%). Bagi kebanyakan responden yang memasuki Sabah secara “separa sah” dokumen perjalanan yang dimaksudkan di sini ialah pasport, pas lawatan sosial dan/atau pas lintas batas.

Pas lawatan sosial dan pas lintas batas membenarkan migran memasuki Sabah secara sah sebagai pelancong tetapi bukan sebagai pekerja. Namun, status kebanyakan migran menjadi tidak sah apabila mereka tinggal di Sabah melebihi waktu yang dibenarkan dan bekerja tanpa permit kerja. Pada tahun 2008, jumlah warga Indonesia yang memasuki Tawau, Sabah dengan menggunakan pas lintas batas dan visa pelancong 8.5 kali lebih banyak daripada pekerja Indonesia yang memasuki Tawau dengan permit kerja (Syed Abdul Razak S. M. 2014).

Seperti yang telah diketahui umum, migrasi buruh di Asia Tenggara biasanya tidak berlaku secara spontan tetapi dalam jaringan tertentu (Hugo 2000). Sistem jaringan yang telah lama wujud ini membantu migran Indonesia berhijrah ke Sabah dan amat sukar dikawal oleh pihak berkuasa (Hugo 1993). Dalam kata lain, migran awal yang kini telah tinggal dan

bekerja di Sabah pastinya akan membantu ahli keluarga, saudara mara dan rakan taulan mereka yang ingin berhijrah ke Sabah.

Dalam kajiannya tentang penghijrahan Bangsa Timor ke Sabah, Eki (2002) mendapati bahawa jaringan ini bukan sahaja terdiri daripada ahli keluarga dan rakan taulan tetapi juga pelbagai peringkat orang tengah seperti ketua kampung, broker tempatan, taikong (agen), pengemudi bot, mandur, majikan dan pegawai imigresen. Selain memudahkan proses kemasukan migran baru ke Sabah, jaringan sosial ini juga membantu migran menjalani kehidupan yang lebih selesa di negara destinasi. Mereka menggunakan dokumen “aspal” – asli tetapi palsu yang boleh didapati melalui sindiket pemalsuan dokumen di Sabah dan Pulau Nunukan (Siburan 2004). Walaupun status mereka adalah migran tidak sah, mereka dapat hidup seperti warganegara Malaysia dengan memegang kad pengenalan palsu atau bekerja dengan aman kerana mempunyai permit kerja palsu.

PERANAN JARINGAN SOSIAL DALAM FASA SEMASA MIGRASI

Dalam fasa semasa migrasi, pada kebiasaannya migran ditemani ahli keluarga, saudara mara dan rakan taulan dalam perjalanan pertama mereka ke Sabah, terutamanya bagi wanita (90%). Kajian ini membuktikan kecenderungan migran wanita bergerak dengan ditemani saudara mara (28%) dan suami (21%). Tidak ramai migran lelaki dan perempuan yang bergerak dengan agen (Jadual 1).

JADUAL 1. Individu yang menemani Responden semasa perjalanan ke Sabah

Individu yang menemani responden dalam perjalanan ke Sabah:	Responden					
	Lelaki N 558		Perempuan N 338		Total N 896	
	N	(%)	N	(%)	N	(%)
Sendiri	94	13.8	38	8.2	132	11.5
Ibubapa	29	4.3	49	10.6	78	6.8
Adik beradik	48	7.0	63	13.6	111	9.7
Pasangan	77	11.3	98	21.1	175	15.3
Saudara mara	169	24.8	131	28.3	300	26.2
Rakan taulan	234	34.3	68	14.7	302	26.4
Agen	31	4.5	16	3.5	47	4.1
Jumlah	682	100	463	100	1145	100

Sumber: Syed Abdul Razak S. M. (2014)

Dapatan menunjukkan tren pergerakan migran Indonesia yang tidak cenderung bergerak bersendirian atau menggunakan agen. Ini adalah kerana bergerak berkumpulan adalah lebih selamat dan mengurangkan risiko perjalanan. Tambahan pula, kebanyakan agen tidak sah menipu migran baru dengan bayaran yang tinggi dan menggunakan jalan yang sukar serta berbahaya (Spaan 1994).

PERANAN JARINGAN SOSIAL DALAM FASA SELEPAS MIGRASI

Setibanya di Sabah, migran dibantu oleh individu dalam jaringan sosial bagi menyediakan tempat tinggal sehingga mereka mendapat pekerjaan. Jadual 2 menunjukkan ahli keluarga dan saudara mara (51%) serta rakan taulan (17%) di Sabah merupakan individu yang mengatur tempat tinggal kepada migran baru. Penting untuk dinyatakan bahawa tempat tinggal sebahagian kecil daripada migran dalam kajian ini diuruskan oleh agen dan majikan (26%). Perkara ini biasanya berlaku sekiranya pekerjaan dan tempat bekerja migran telah ditentukan sebelum mereka tiba di Sabah seperti yang diamalkan dalam sistem kemasukan pekerja asing rangkaian sah.

JADUAL 2. Individu yg membantu menyediakan tempat tinggal semasa pertama kali tiba di Sabah

Individu yg membantu menyediakan tempat tinggal semasa pertama kali tiba di Sabah	Frekuensi	Peratus
Keluarga/saudara mara di Sabah	459	51.2
Rakan Indonesia di Sabah	152	17.0
Majikan	145	16.2
Agen	88	9.8
Sendiri	44	4.9
Lain lain	8	0.9
Jumlah	896	100

Sumber: Syed Abdul Razak S. M. (2014)

Jaringan sosial ini juga berperanan membantu mendapatkan pekerjaan untuk migran baru. Hampir separuh daripada migran (46%) dibantu oleh keluarga dan saudara mara, diikuti oleh rakan taulan (21%) di Sabah. Ini menggambarkan trend pengambilan pekerjaan secara tidak sah yang biasa diamalkan oleh migran yang memilih rangkaian separa sah untuk

memasuki Sabah. Hanya 23% migran dibantu oleh agen dan majikan dalam mendapatkan pekerjaan; dan ini menggambarkan kemasukan melalui rangkaian sah di mana pekerjaan dan tempat bekerja migran telah ditentukan sebelum mereka memasuki Sabah dengan visa panggilan.

Peranan mandur dalam pengambilan pekerja asing Indonesia adalah sangat penting dan perlu dibicarakan di dalam kajian ini. Mandur merupakan sebahagian daripada sistem rangkaian sosial yang juga bertindak sebagai orang tengah yang ditugaskan mengambil pekerja asing bagi pihak majikan sama ada secara sah (dengan permit kerja) atau tidak sah (tanpa permit kerja). Berdasarkan temu bual (mendalam) dalam kajian ini, mandur lebih gemar mengambil bangsa mereka sendiri untuk bekerja kerana, pertama, lebih mudah untuk mengurus orang yang mereka kenali; kedua, mereka menggunakan bahasa yang sama; ketiga, bangsa Bugis adalah bangsa yang setia, jadi faktor ini dapat mengurangkan kes lari daripada kerja; dan akhir sekali, bangsa Bugis terkenal dengan sikap mereka yang rajin bekerja dan berdisiplin, jadi sesuai untuk menjalankan tugas berat di ladang (Wan Hassan et al. 2011).

Apa yang dapat dilihat di sini ialah, hubungan baik di antara migran baru dan mandur yang saling menyokong antara satu sama lain dapat memastikan kejayaan migrasi. Berdasarkan temu bual (mendalam) penyelidik dengan seorang pekerja Indonesia berbangsa Bugis, rangkaian sosial yang membantunya mencari pekerjaan di negara orang terbina berasaskan kepercayaan dan hubungan persaudaraan yang kukuh,

“Lebih mudah bagi kami untuk datang [ke Sabah] sekiranya ada keluarga, saudara mara dan rakan taulan yang bantu dapatkan pekerjaan di sana. Apa yang penting ialah aku percaya sama mereka. Mereka tak akan menyusahkan orang mereka sendiri. Pepatah Bugis mengatakan, “sipattuwo sipattokong” – sama-sama kita hidup, sama-sama kita bantu satu sama lain”.

Secara umumnya, jaringan sosial telah membantu penghijrahan migran baru daripada bangsa yang sama dalam fasa pra, semasa dan selepas migrasi. Jalinan sosial ini bukan sahaja merangkumi keluarga, saudara mara dan rakan taulan yang telah lama berhijrah dan tinggal di Sabah tetapi juga orang tengah seperti mandur yang diberi kuasa dan kepercayaan mengambil pekerja baru (terutamanya daripada bangsanya sendiri) bagi pihak majikan. Strategi penghijrahan dan pengambilan pekerja seperti ini meningkatkan kemasukan migran

Indonesia ke Sabah melalui rangkaian separa sah dan tidak sah, serta mengekalkan migrasi berantai dan pekerjaan berkelompok.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa fenomena penghijrahan pekerja Indonesia terutamanya yang berbangsa Bugis ke Sabah adalah dengan tujuan asas iaitu, ekonomi seperti mencari pekerjaan dan pendapatan yang lumayan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa lebih ramai migran wanita berbanding migran lelaki yang berhijrah dengan tujuan bukan-ekonomi, khususnya mengikut pasangan dan keluarga masing-masing. Hasil daripada kajian yang lebih mendalam mendapati bahawa kejayaan utama migrasi yang dilakukan oleh para migran ini adalah faktor jaringan sosial berasaskan ikatan kekeluargaan merentasi sempadan politik. Maklumat tentang keperluan pekerjaan, jenis pekerjaan, upah dan kejayaan yang ditempa dalam sesuatu pekerjaan banyak mempengaruhi migran baru membuat keputusan untuk berhijrah.

Maklumat yang berasas tersebut yang menjadi daya penarik kepada menambah minat migran ini untuk melakukan migrasi akhirnya dilengkapi lagi dengan kemudahan-kemudahan yang diperoleh di destinasi-destinasi migrasi mereka. Ia melibatkan perkara-perkara sebelum migrasi, semasa migrasi dan selepas migrasi. Antara perkara-perkara tersebut adalah proses pengurusan dokumen perjalanan yang membolehkan migran memasuki sempadan secara sah atau separa sah. Dengan adanya jaringan sosial yang baik, semua urusan dokumen yang melibatkan imigresen kedua-dua buah negara dapat dijalankan dengan baik dan teratur sehingga menjadikan mereka sebagai pengembara yang sah, bukan sebagai “pekerja asing” yang sah.

Walaupun kebanyakannya menjadi pemastautin yang “tidak sah” kemudiannya, dengan bantuan jaringan sosial yang kuat ini juga memudahkan mereka mendapat bantuan pada fasa ini sama ada fasa transisi “migrasi” atau dalam fasa kependudukan yang tidak sah ini. Dengan adanya bantuan daripada mereka yang mengatur dan menguruskan petempatan mereka dari segi tempat tinggal dan juga mendapatkan pekerjaan khususnya di ladang-ladang kelapa sawit membuatkan para imigran ini merasakan mendapat jaminan dan perlindungan buat sementara waktu.

Keadaan ini meningkatkan keyakinan para imigran untuk terus berada di lokasi dan meneruskan kehidupan sebagai seorang pekerja asing dengan status yang tidak sah tetapi merasa dilindungi. Keadaan lebih meyakinkan mereka apabila terdapat di kalangan tenaga kerja atasan yang bagi mereka dianggap sebagai “karyawan” berpangkat iaitu mandur di ladang atau organisasi di tempat mereka bekerja yang merupakan individu yang mempunyai hubungan jaringan sosial dengan mereka sama ada dari keturunan Bugis atau yang datangnya dari kawasan geografi yang sama tempat asal mereka.

Fenomena migrasi oleh orang-orang Bugis ini boleh disamakan dengan orang-orang Minangkabau yang sangat terkenal sebagai bangsa perantau. Merantau yang melibatkan proses interaksi dengan masyarakat luar turut dilakukan oleh orang-orang Bugis ini yang berinteraksi dengan masyarakat luar dari lingkungan mereka untuk berjaya dalam kehidupan sama ada sebagai pekerja atau kemudiannya melibatkan diri dengan perniagaan. Orang-orang Bugis yang berada di Sabah, khususnya di Tawau merupakan perantau yang terkenal berjaya dalam perniagaan di negeri Sabah seperti suku Minangkabau yang berjaya di daerah-daerah lain di Indonesia termasuk Malaysia.

Sebagai perantau, orang-orang Bugis ini juga mendapati bahawa ia merupakan satu cara yang ideal untuk mencapai kematangan dan kejayaan bukan hanya harta kekayaan dan ilmu pengetahuan sahaja yang didapati, namun juga menjadikan mereka mempunyai prestij dan kehormatan diri berbanding dengan keadaan sebelum melakukan kegiatan merantau atau migrasi ini. Mereka mendapat pengiktirafan di kalangan ahli keluarga dan masyarakat di tanah asal mereka apabila telah membuktikan daripada carian yang diperolehi, sebagai perantau mereka biasanya menghantar sebahagian hasil titik peluh mereka atau kekayaan yang dikecapi ke kampung halaman untuk membantu ahli keluarga yang ditinggalkan. Mereka akan diingati sebagai perantau yang lebih berjaya jika hasil pendapatan dan kekayaan mereka dapat membantu komuniti setempat khususnya di kampung halaman dan daerah untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti surau, masjid, jalan, ataupun kawasan-kawasan pertanian termasuk sawah padi, kebun-kebun dan ladang-ladang.

Teori Ekonomi Neo Klasik dapat menjelaskan tentang trend migrasi ini di mana keputusan berhijrah dipengaruhi oleh pertimbangan kos dan untung rugi penghijrahan. Teori yang berasaskan ekonomi ini walau bagaimanapun tidak dapat menjawab semua persoalan kenapa bangsa Bugis memilih Tawau, Sabah sebagai destinasi. Teori Sosial seperti teori

Sistem Dunia dan teori Jaringan Sosial boleh memberi penjelasan yang lebih tepat. Teori Sistem Dunia yang menghubungkan masa lalu dan masa kini sering mengaitkan migrasi dengan penjajahan. Seperti yang dijelaskan dalam sejarah pertempatan Bugis di Sabah, penjajah British di Sabah dan Belanda di Indonesia berperanan besar dalam penghijrahan awal bangsa Bugis ke Sabah ketika di zaman kolonial.

Generasi pertama dan kedua yang telah lama menetap di Sabah telah mengasimilasi dan di asimilasi dari segi budaya dan bahasa dengan penduduk Sabah dan disatukan oleh agama Islam. Kesamaan dari segi agama, budaya dan bahasa adalah antara faktor yang menyebabkan migran baru memilih Sabah sebagai destinasi. Apa yang lebih ketara ialah peranan generasi migran awal dalam jaringan sosial telah memudahkan proses penghijrahan migran baru. Bantuan yang disalurkan dalam fasa pra, semasa dan selepas migrasi mengurangkan kos dan risiko penghijrahan seterusnya memastikan kejayaan migrasi. Migrasi berantai juga berlaku apabila mandur yang diberi kepercayaan oleh majikan mengutamakan bangsa mereka dalam pengambilan pekerja. Sistem jaringan sosial yang telah bertapak sekian lama di Sabah menyukarkan penguatkuasaan imigrasi di sempadan Sabah-Indonesia.

RUJUKAN

Ammarell, Gene. 2002. Bugis Migration and Modes of Adaptation to Local Situation. *Ethnology* 41(1): 51-67.

Andaya, L. Y. 1995. The Bugis-Makkasar Diasporas. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 68(1): 119-138.

Andaya, L.Y. 2004. Nature of War and Peace among the Bugis-Makassar People. *South East Asia Research* 12(1): 53-80.

Babbie, E. 2004. *The Practice of Social Research* (10th edn.). United States: Thompson Wadsworth.

Bilsborrow, R. 2006. 'Gender and International Migration: Evidence from the NIDI-Eurostat Study', International Symposium on International Migration and Development, Italy: UN DESA.

Borjas, G. J. 1989. Immigrant and Emigrant Earnings: A Longitudinal Study. *Economic Inquiry* 27(1): 21-37.

- Creswell, J. W. 2006. Understanding Mixed Methods Research in J. W. Plano, *Designing and Conducting Mixed Method Research*: 1-19. United Kingdom: Clark and Sage Publication.
- Dannecker, P. 2005. Bangladeshi Migrant Workers in Malaysia: The Construction of the "Other" in a Multi-Ethnic Context. *Asian Journal of Social Science* 33(33): 246-267.
- Eki, A. T. 2002. International Labour Emigration from eastern Flores Indonesia to Sabah Malaysia: A Study of Patterns, Causes and Consequences. Unpublished Doctoral Dissertation, University of Adelaide, Adelaide.
- Goodlet, K.J. 1977. The Origin and Early Development of Tawau 1880-1942. Unpublished Doctoral Dissertation, University of Sydney, Sydney.
- Haryati. A. K. 2015. Pola Penataan Drama Indonesia dan Pembentukan Identiti di Kalangan Belia Diaspora Bugis Malaysia, Sabah: 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations, Sept 2015.
- Hugo, G. 1993. Indonesian Labour Migration to Malaysia: Trends and Policy Implications. *Southeast Asian Journal of Social Science* 21(1): 36-70.
- Hugo, G. 2000. Labour Migration from East Indonesia to East Malaysia. *Revue Europeenne Migrations Internationales* 6(1): 97-126.
- Ito, Makoto. 2001. The Nature of Bugis Migration and Their Network, conference paper: "Workshop on Social-cultural Process of Development: Sabah and BIMP-EAGA", Tokyo University of Foreign Studies and Institute Development of Sabah (IDS), Kota Kinabalu, August 2001.
- Johari, M.Y. and Goddos, R. 2003. 'Migrant Workers in Sabah : Characteristics, Processes, Prospects and Challenges', in M.Y. Johari and S. Y. Chong (eds.), *Reinventing Sabah: Global Challenges and Policy Responses*: 49-76, Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah).
- Jones, W.L. 1966. north Borneo. Report on the Census of Population taken on 10th August 1960. Kuching, Sarawak (Government Printing Office) 1966. *The Population of Borneo. A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei* London (Athlone Press).
- Kassim, A. 2005b. Orang Pelarian di Sabah: Status dan Konflik. *Proceeding of: State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*: 91-114, Kota Kinabalu: University Malaysia Sabah.
- Koser, K. 2010a. Introduction: International Migration and Global Governance. *Global Governance* 16(3): 301-315.
- Lee, E.S. 1966. A Theory of Migration. *Demography* 3: 47-57.
- Linton, J. 1975. Pasompe 'Ugi': Bugis Migrants and Wanderers. *Archipel* 10: 173-201.

- Massey, D. S., Hugo, G., Arango, J., Kouaouci, A., Pellegrino, A. and Taylor, J. E. 1993. Theories of International Migration: An Integration and Appraisal. *Population and Policy Review* 21(6): 473-504.
- Mohd Arof Ishak. 2012. Sejarah Perkembangan Tamadun Melayu, Kertas kerja “International Conference on Malay Polynesia Ancestral Nations”, Kelana Resorts Seremban Negeri Sembilan 5-6 July.
- Naratif Peradaban Gugusan kepulauan Melayu (n.d), Lembaga Peradaban Melayu from www.lembagaperadabanmelayu.org.
- Newman, W. L. 2006. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (6th edn.). United States: Pearson International.
- Noraisyah Abdul Hak. 2015. Media dan Identiti Nasional: Satu Kajian Audien dalam kalangan Masyarakat Bugis Bertaraf Warganegara Malaysia melalui Media Mengenai Konsep 1 Malaysia. Unpublished doctoral dissertation, Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah.
- Nordin Sakke, Ramli Dolah and Mohamad Tahir Mapa. 2012. Penghijrahan dan Perkembangan Masyarakat Bugis Sabah in Asmiaty Amat (ed). *Bugis Sabah*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Palloni, A., Massey, D., Ceballos, M., Espinosa, K. and Spittel, M. 2001. Social Capital and International Migration: A Test Using Information on Family Networks. *American Journal of Sociology* 106(5): 1263-1297.
- Pelras, Christian. 1996. *The Bugis*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan and Amrullah Maraining. 2015. Elemen Fizikal dan Bukan Fizikal dalam Pembentukan Identiti Komuniti Sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal Society and Space* 11: 9-20.
- Rizal Zamani Idris, Ramli Dollah and Marja Azlima Omar. 2006. Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah. Isu keselamatan persempadanan Negeri Sabah dan tuntutan terhadap Kepulauan Spratly, Universiti Malaysia Sabah Kota Kinabalu, Sabah.
- Sadiq, K. 2005. When States Prefers Non-Citizens Over Citizens: Conflict Over Illegal Immigration into Malaysia. *International Studies Quarterly* 49(5): 101-122.
- Siburan, R. 2004. Kondisi Perekonomian Masyarakat Perbatasan: Entikong dan Nunukan. *Masyarakat Indonesia* 30(2): 113-137.
- Spaan, E. 1994. Taikongs and Calos: The Role of Middlemen and Brokers in Javanese International Migration. *International Migration Review* 28(1): 93-113.

Suraya Sintang. 2013. *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Syed Abdul Razak. S.M. 2014. Indonesian Labour Migration to Sabah. Trends, Impact and Changes. Unpublished doctoral dissertation, University of Adelaide, Adelaide.

Todaro, M. 1969. A Model of Labour Migration and Urban Unemployment in Less Developed Countries. *The American Economic Review*: 138-148.

Wan Hassan, W. S., Omar, M. A. and Mahmood, A. M. 2011. Undocumented Workers in Sabah Plantation Sector: By Force or By Choice. *Bumantara Journal of Social and Political Development* 1(1): 127-140.

Zimmermann, F. 1996. European Migration: Push and Pull. *International Regional Science Review* 19(1): 95-128.

Syed Abdul Razak Sayed Mahadi
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
E-mel: syedajak72@gmail.com

Hanafi Hussin
Jabatan Pengajian Asia Tenggara
Universiti Malaya
E-mel:hanafif@um.edu.my

Suraya Sintang
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
E-mel:surayas12@gmail.com

Hadayat Rahmah Binti Hasan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
E-mel:yathan74@gmail.com

Diserahkan: 28 April 2017
Diterima: 04 Oktober 2017